

D430

U B206 AAB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 19 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI HARI INI MEMBERI JAMINAN BAHAWA PENYENARAIAAN CALON UMNO BAGI MEWAKILI BARISAN NASIONAL DALAM PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG AKAN MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN PENCALONAN BAHAGIAN DAN NEGERI MASING-MASING.

KATANYA, BELIAU SECARA PERIBADI TIDAK BERMINAT UNTUK MENENTUKAN SENDIRI SENARAI CALON UMNO BAGI PILIHAN RAYA TETAPI PEMILIHAN DIBUAT OLEH NEGERI-NEGERI.

+MASING-MASING HANYA MEMINTA PENEKSAHAN DARI SAYA DAN KADANG-KADANG SEDIKIT PERUBAHAN DIBUAT+, KATANYA SEMASA MENJAWAB HUJAH-HUJAH YANG DIBANGKITKAN PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENARIK PERHATIAN KEPADA PENCALONAN DARI JOHOR BAGI PILIHAN RAYA UMUM 1986 YANG DIKEMUKAKAN OLEH MENTERI BESAR KETIKA ITU, DATUK AJIB AHMAD YANG MENURUTNYA TIDAK DIPINDA SEDIKITPUN.

BELIAU BAGAIMANAPUN MENINGATKAN PARA ANGGOTA UMNO BAHAWA PERTANDINGAN DALAM PILIHAN RAYA ADALAH UNTUK MEMBENTUK KERAJAAN, OLEH ITU SOAL TOLAK ANSUR PERLU DIAMBIL KIRA . -- LAGI
1933MST 19 11 89

U B207 AAB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 2 KUALA LUMPUR

CONTOHNYA, PENEMPATAN CALON DARI BANDAR KE KAWASAN LUAR BANDAR KADANGKALA PERLU UNTUK MEMBERI PELUANG YANG SAMA KERANA MASING-MASING PUNYA KELAYAKAN, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, UMNO ADALAH PARTI MEWAKILI MASYARAKAT LUAR BANDAR LUAR DAN JIKA DIKIRA FAKTOR ITU SEMATA-MATA CALON BANDAR TIDAK BERPELUANG LANGSUNG.

OLEH ITU BELIAU MENASIHATI ANGGOTA UMNO SUPAYA TIDAK KHUATIR DENGAN KEPUTUSAN PUCUK PIMPINAN MELETAKKAN BEBERAPA +CALON PAYUNG TERJUN+ DI KAWASAN TERTENTU.

+KITA TIDAK AKAN MELETAKKAN CALON +PAYUNG TERJUN+ SEPANJANG MASA HANYA JIKA DIPERLUKAN KERANA JIKA TERLALU RAMAI MUNGKIN ADA YANG CEDERA+, KATANYA.

PERDANA MENTERI TURUT MENEGUR PARA PERWAKILAN YANG MEBANGKITKAN SOAL PILIHAN RAYA DALAM PERBAHASAN MASING-MASING YANG MENURUTNYA TERLALU MENUMPUKAN KEPADA SOAL PEMILIHAN CALON TETAPI TIDAK KEPADA PILIHAN RAYA ITU SENDIRI.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA SOAL PENCALONAN BOLEH DIBINCANG PADA BILA-BILA MASA. -- LAGI
1938MST 19 11 89

U B214 AAB
(ULANGAN: MENGGANTIKAN BERITA AWAL) R R R
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, MENURUT PERKIRAAN SEBENAR, PILIHAN RAYA BOLEH DIADAKAN PADA BILA-BILA MASA SEHINGGA OKTOBER 1991.

PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS ITU, BELIAU MENJELASKAN TEMPOH LIMA TAHUN PEMERINTAHAN KERAJAAN DIKIRA DARI TEMPOH BERMULANYA PERSIDANGAN PARLIMEN PERTAMA SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM SEBELUM INI.

PILIHAN RAYA UMUM TERAKHIR IALAH PADA APRIL 1986 DAN PERSIDANGAN PARLIMEN DIADAKAN PADA BULAN OKTOBER.

APABILA DITANYA ADAKAH PILIHAN RAYA SESUAI DIADAKAN SEKARANG MEMANDANGKAN BEBERAPA FAKTOR POSITIF SEPERTI KEJAYAAN MALAYSIA DALAM SUKAN SEA, BELIAU BERKATA, PERKEMBANGAN ITU TIDAK HARUS DIJADIKAN FAKTOR PENENTU.

INI KERANA PADA PILIHAN RAYA 1986, KEADAAN EKONOMI YANG MELESET MEMBUATKAN RAMAI MENJANGKA BARISAN NASIONAL AKAN KALAH TETAPI SEBALIKNYA UMNO TELAH MEMENANGI SEMUA KERUSI YANG DIPERTANDINGKAN DAN DIANGGAP KEMENANGAN YANG TERBAIK BAGI PARTI ITU. -- LAGI
2004MST 19 11 89

U B215 AAB
(ULANGAN: MENGGANTIKAN BERITA AWAL) R R R
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI PERPADUAN ORANG MELAYU BELIAU BERKATA, PERPADUAN MASIH UTUH DALAM UMNO KERANA +YANG KELUAR DARIPADA PARTI HANYA SEDIKIT DAN DIHARAP (MEREKA) KELUAR BUAT SEMENTARA WAKTU.+

BELIAU BERHARAP MEREKA AKAN BALIK KE PANGKAL JALAN UNTUK BERSAMA-SAMA MEMPERJUANGKAN BANGSA MELAYU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENARIK PERHATIAN KEPADA WAKIL JOHOR, ENCIK ADAM ABDUL HAMID YANG MEMBENTANGKAN USUL TERIMA KASIH KEPADA UCAPAN DASAR PRESIDEN, YANG MENURUTNYA BUAT SEKETIKA +MENJAUHKAN DIRI DARIPADA BELIAU+.

BELIAU MENYIFATKAN KEPULANGAN ENCIK ADAM KE DALAM PARTI DAN SETERUSNYA MEMBENTANGKAN USUL ITU SEBAGAI SESUATU YANG SANGAT BERERTI KEPADA UMNO.

MENYENTUH TENTANG DASAR PENSWASTAAN, PERDANA MENTERI MENASIHATKAN ORANG MELAYU SUPAYA TIDAK BIMBANG KERANA KERAJAAN MASIH MEMPUNYAI KUASA MENGAWAL SESUATU AGENSI YANG DISWASTAKAN.

+SETIAP PERKHIDMATAN KERAJAAN YANG DISWASTAKAN, KEUNTUNGANNYA TIDAK AKAN DAPAT KE PIHAK LAIN SEBALIKNYA MEMBERI FAEDAH KEPADA BUMIPUTERA.+

KATANYA, ADALAH LEBIH BAIK JIKA DENGAN CARA DISWASTAKAN SESEBUAH SYARIKAT ITU MENDAPAT KEUNTUNGAN KERANA BANGSA MELAYU TIDAK AKAN BOLEH BERBANGGA JIKA SYARIKAT YANG 100 PERATUS BUMIPUTERA RUGI SEPANJANG MASA. -- LAGI

2011MST 19 11 89

D446

U B217 AAB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN TIDAK MENJUAL SEMUA SAHAM DALAM AGENSI YANG DISWASTAKAN SECARA SERENTAK DAN ADA KALANYA MENGGUNAKAN KONSEP +GOLDEN SHARE+ YANG MEMBERI KUASA UTAMA KEPADA KERAJAAN MENGATASI MAJORITI PEMEGANG SAHAM YANG LAIN.

KATANYA, MELALUI CARA INI KERAJAAN MASIH MENJADI KUASA PENENTU DALAM MENGAWAL APA YANG BERLAKU DALAM AGENSI BERKENAAN.

BELIAU MEMBERI CONTOH KEJAYAAN BEBERAPA PERKHIDMATAN YANG DISWASTAKAN SEPERTI TERMINAL KONTENA KLANG, PENERBANGAN MALAYSIA DAN SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA YANG KINI MERAIH KEUNTUNGAN DAN SECARA LANGSUNG MEMBERI FAEDAH KEPADA KAKITANGAN SERTA MASYARAKAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENASIHATKAN ORANG MELAYU AGAR MENUKAR SIKAP SUKA IRI HATI DENGAN KEJAYAAN ORANG LAIN KEPADA BERUSAHA MEMPERBAIKI DIRI TERUTAMA DALAM SOAL PENGURUSAN DAN BIDANG KEPAKARAN LAIN.

+KITA HARUS INGAT BAHAWA JIKA KITA PANDAI MENJAGA DAN MENGURUS HARTA DAN HAK KITA, IA AKAN KEKAL DI TANGAN SENDIRI,+ KATANYA. --
BERNAMA

2020MST 19 11 89

D453